

Parti perkauman tak ada tempat dalam BN - PM

KOTA KINABALU 4 April - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan hari ini bahawa tidak ada tempat bagi parti-parti yang bercorak perkauman dan keagamaan dalam Barisan Nasional.

Dengan penegasan ini, jelaslah Perdana Menteri tidak akan menerima mana-mana parti dari Negeri Sabah untuk menyertai Barisan Nasional kecuali Parti Berjaya.

Berucap di hadapan lebih 30,000 orang rakyat Sabah dalam majlis muhibah yang diadakan di padang bandar Kota Kinabalu petang ini Perdana Menteri menjelaskan, parti-parti perkauman tidak akan dapat mewakili hasrat semua kaum di negeri ini.

Sebaliknya, tambah beliau, isu-isu perkauman yang dibawa oleh parti-parti itu dapat membakar hati rakyat terhadap kaum-kaum lain

yang akhirnya boleh mencetuskan permusuhan dan peperangan.

Beliau mengambil contoh tragedi tahun 1969 yang berlaku di Kuala Lumpur akibat isu-isu perkauman yang dibakar oleh golongan-golongan tertentu yang mana berlakunya kehilangan jiwa dan harta benda.

"Bagaimanapun kita aman dan tenang sekarang kerana tidak ada orang yang membakar hati kita. Kita aman kerana kerajaan tidak memihak mana-mana kaum dan agama," katanya.

Beliau lalu memberi amaran supaya isu-isu perkauman dan keagamaan tidak dijadikan bahan politik yang boleh mengakibatkan bermacam-macam bahaya.

Katanya, keamanan dan ketenangan yang dikecapi oleh negeri ini sekarang adalah hasil perjuangan kerajaan Barisan Nasional dan Berjaya. Setiap ucapannya

disambut dengan tepuk guruh dan teriakan Berjaya di tengah hujan renyai.

Kerajaan sedar, katanya, ada parti yang memperjuangkan sesuatu kaum dan agama tetapi parti-parti itu tidak boleh memerintah negeri ini kerana tidak ada wakil dari semua kaum dan agama.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa, USNO sekali lagi memburuk-burukkan kerajaan Berjaya dan Barisan Nasional dalam kempen pilihan raya mereka sekarang ini.

Mereka berbuat demikian, katanya, bukan kerana sayangkan Sabah tetapi kerana merasakan selagi ada Kerajaan Pusat, mereka tidak dapat membolot kekayaan yang ada di bumi Sabah untuk diri mereka.

Semasa USNO memerintah dahulu, tambahnya, Kerajaan Pusat telah memberi mereka beberapa kebebasan tetapi mereka telah

menyalahgunakan kebebasan itu dengan menjadikan diri mereka kaya-raya dan tidak ambil peduli pembangunan Sabah.

Mereka, tambah beliau, tidak suka Kerajaan Pusat kerana mereka tidak bebas lalu membuat berbagai dakuwaan termasuk mendakwa calon Berjaya, Datuk Lim Guan Sing seorang pencuri tetapi sebaliknya merekalah yang dahulunya bebas mencuri.

"Orang-orang ini seperti seorang yang baru lepas mencuri dan melarikan diri di celah orang ramai lalu memekik "pencuri, pencuri, pencuri" supaya orang ramai ingat orang lain yang mencuri," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun Negeri Sabah kaya tetapi masih memerlukan banyak bantuan dan bantuan itu datangnya dari Kerajaan Pusat.

Kerajaan Pusat, katanya, telah mengambilalih jalan-jalan besar di negeri ini untuk dibangunkan sama taraf dengan jalan-jalan besar di Semenanjung Malaysia.